

23 JAN 2002

Samy Vellu-Batu Caves/I

KABINET KEKALKAN POS KOD BATU CAVES

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju untuk mengekalkan pos-kod Batu Caves dan menolak cadangan ia ditukar kepada poskod Selayang selepas hal itu dibawa ke perhatian Perdana Menteri oleh Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Kabinet bersetuju untuk mengekalkan pos-kod, ia satu keputusan bijak dan saya mengucapkan terima kasih kepada mereka," Samy Vellu memberitahu pemberita sebelum bertolak ke Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Samy Vellu membawa isu itu ke perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie semasa mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Majlis Perbandaran Selayang memutuskan untuk menukar pos-kod Batu Caves supaya ia sama dengan poskod Selayang tetapi cadangan itu menerima kritikan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat India yang berpendapat perubahan itu akan menenggelamkan identiti tempat tarikan pelancong yang popular itu.

"Batu Caves dikunjungi oleh berjuta-juta orang dan juga merupakan destinasi pelancongan yang terkenal melalui poskod itu dan saya tidak setuju dengan perubahan itu. Hal ini sepatutnya tidak berlaku," kata beliau lagi.

Masyarakat beragama Hindu menziarahi Batu Caves semasa Thaipusam dengan kali ini ia diraikan pada Isnin depan.

Sementara itu, Pengerusi Dhevasthanam Kuil Sri Maha Mariamman R. Nadarajah mengucapkan terima kasih kepada Samy Vellu kerana membangkitkan hal penting itu di peringkat Kabinet dan menyelesaikannya.

Dhevasthanam (pertubuhan) itu menguruskan kuil Batu Caves dan sambutan Thaipusam di tempat itu.

"Pengurusan kuil itu terhutang budi kepada Datuk Seri (Samy Vellu) dan Kabinet kerana mengekalkan nama Batu Caves yang bersejarah," katanya.

-- BERNAMA

DC AHH PR